

**KESEDARAN TERHADAP AMALAN PENGURUSAN RISIKO AKTIVITI  
REKREASI “ZIPLINE” DALAM PROGRAM BINA INSAN GURU**  
(Awareness Towards Risk Management Practices of Zipline Recreational Activity in ‘Bina Insan  
Guru’ Program)

\*Muhammad Syakir Sulaiman<sup>1</sup>, M.Adli. Mohd Sidi<sup>2</sup>, Mohd Faez Ilias<sup>1</sup>, Mohd Amin Mohd Noh<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Sukan  
Universiti Malaya  
51603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding author’s email: [syakir@kuis.edu.my](mailto:syakir@kuis.edu.my)

**Article History:**

Submit: 13 June 2019

Accepted: 9 July 2019

Revised: 4 November 2019

Published: 30 December 2019

*Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*

*Vol. 3, No. 2 (2019), 29-28*

**Abstrak**

Aktiviti rekreasi lasak merupakan aktiviti sihat dan merupakan aktiviti fizikal yang popular. Pendedahan terhadap risiko sangat berkait rapat dalam penglibatan aktiviti rekreasi lasak, namun adalah sangat penting untuk memberikan keutamaan untuk melindungi diri daripada potensi risiko semasa menjalankan aktiviti. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko semasa aktiviti rekreasi “zipline” dalam program Bina Insan Guru (BIG). Kajian tinjauan melalui pendekatan kuantitatif dengan menggunakan pakai borang kaji soal selidik sebagai alat kajian kepada 52 orang peserta program BIG terpilih kem rekreasi Raub, Pahang. Soal selidik iklim keselamatan rekreasi (Cheng 2016) diadaptasi mengandungi empat situasi amalan pengurusan risiko, iaitu tanggungjawab, peralatan, kebolehsuaian, dan latihan yang digunakan. Analisis statistik inferensi ujian-t digunakan bagi menjelaskan dan menguji hipotesis yang dikemukakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko oleh pelatih guru berada pada tahap yang tinggi. Kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko yang tertinggi ialah aspek tanggungjawab yang diberikan oleh jurulatih diikuti amalan latihan, alatan dan yang terendah adalah kebolehsuaian. Hasil dapatan ujian-t menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko antara guru pelatih lelaki dan guru pelatih perempuan. Implikasi kajian ialah pengurus atau jurulatih rekreasi perlu mengambil kira aspek kepelbagaian bahaya risiko dalam merancang aktiviti rekreasi “zipline”. Tahap kesedaran risiko yang tinggi dapat membantu peserta mendapat kepuasan aktiviti luar disamping mendapatkan pengalaman yang lebih optimum.

**Kata kunci:** Risiko, Pengurusan, Aktiviti rekreasi

**Abstract**

*Adult recreation is a healthy and popular physical activity. Risk exposure is closely related to the involvement of recreation activities, but it is important to prioritize protecting oneself against potential risks during activities. The purpose of this study was to identify the level of awareness of risk management practices during the zipline recreation activities in the Teacher Building (BIG) program. The survey was conducted through a quantitative method using questionnaire form as a study tool towards 52 selected BIG program participants at Raub recreational camp, Pahang. The recreational safety climate survey (Cheng 2016) was adapted to contain four situations of risk management practice, namely responsibility, equipment, adjustment, and practice used. Statistical analysis of t-test inference is used to explain and test the hypotheses put forward in this study. The results of the study indicate that awareness of the practice of risk management by teacher trainees is at a high level. The awareness of the highest risk management practice is the aspect of responsibility given by the coach followed by the training practice, equipment and the lowest is adjustment. The results of the t-test indicate that there is a significant difference in awareness of risk management practices between male and female trainees. The implication of this study is that managers or recreational coaches need to take into account the various aspects of risk aversion in planning the "zipline" recreational activities. High levels of risk awareness can help trainees to enjoy outdoor activities as well as gain an optimum experience.*

**Keywords:** risk, management, recreational activities

## 1.0 PENGENALAN

Aktiviti rekreasi luar merupakan pilihan utama dalam program-program insaniah kalangan IPT yang meminati aktiviti luar dalam kawasan alam liar. Penglibatan dalam aktiviti rekreasi khususnya dalam aktiviti bertali *High Rope* seperti *flying fox* atau *zipline* sememangnya tidak dapat dinafikan ianya ekstrim serta sangat mencabar keberanian diri dan menguji keyakinan diri yang sangat tinggi. Walaupun aktiviti tersebut mencabar, para peserta dapat menikmati dan melihat pemandangan yang menarik disamping ia juga memberikan kepuasan meluncur tali daripada pandangan dari tempat tinggi. Menurut (Iswoyo, Daryanto & Nugroho, 2017) menyatakan bahawa aktiviti luar seperti “High rope” adalah gabungan antara ilmu dengan kemahiran semasa melakukan aktiviti tersebut dan ianya merupakan pendidikan bereksperimen yang bagus dalam meningkatkan tahap keyakinan individu.

Institut pengajian tinggi di universiti adalah tempat membentuk kemahiran insaniah pelajar yang pelbagai dari sudut komunikasi dan perkembangan fizikal serta emosi di bentuk dalam kalangan pelajar yang mempunyai pelbagai etnik dan bangsa seperti menganjurkan aktiviti sukan dan riadah, program khidmat ummah dan program aktiviti rekreasi kem besama rakan sekuliah, pensyarah dan masyarakat. Walaupun aktiviti ini memberikan pengalaman dalam membentuk keperibadian serta kebolehpasaran di masa hadapan, tetapi para mahasiswa masih kurang mengambil penglibatan dan perhatian dan tindak balas yang baik. Menurut (Suzanah Jumat, 2014) dalam kajian beliau menyatakan bahawa penglibatan atau penyertaan mempunyai pelbagai pengertian. Menurut (Pring dan Noe, 2002) menyatakan penglibatan bermaksud *“all-encompassing label to describes the various mechanism that individual or group may use to communicate their view on a public issue”*.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Aktiviti rekreasi “zipline” semakin mendapat permintaan terutama bagi keperluan aktiviti senggang dan program-program berbentuk insaniah dalam sesetengah Institut Pendidikan Tinggi (IPT). Namun begitu aktiviti rekreasi tali tinggi sangat terdedah kepada bahaya risiko bagi sesiapa yang sedang melakukannya. Menurut analisis kajian (Rachael et al, 2015) rekod kemalangan kes oleh US emergency departments (EDs) dari tahun 1997 hingga 2012 berkaitan kemalangan zipline mendapati bahawa punca jatuh menyumbang lebih daripada tiga perempat peratus iaitu (77%) kecederaan berkaitan zipline diikuti oleh pelanggaran (13%), termasuk pelanggaran pokok dan struktur utama lain. Jenis-jenis kes kecederaan yang paling kerap berlaku dalam aktiviti zipline termasuk tulang patah (46%), lebam (15.2%), strain atau sprains (15.1%), dan gegaran atau kecederaan tertutup (7%). Peningkatan kemalangan yang berlaku dalam aktiviti sukan dan rekreasi, boleh memberi impak yang besar kepada industri rekreasi khusus kepada pengurus rekreasi yang merupakan punca pendapatan. Menurut Paul (2012) peningkatan kemalangan menyebabkan kurang permintaan dalam aktiviti yang dianjurkan. Antara kelemahan dalam faktor amalan pengurusan risiko (Richard, 2005) berkaitan keselamatan adalah seperti aspek pengurusan peralatan keselamatan, pengurusan kemudahan, status jurulatih yang bertauliah dan kemahiran. Pontensi berlakunya kemalangan dalam program sukan dan rekreasi yang tinggi ianya telah memberi banyak kesan yang buruk dan negatif. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh (Jaffry et al, 2015) menyatakan bahawa masalah berkaitan amalan pengurusan risiko di Malaysia telah menjadi satu kebimbangan dan kes berkaitan kecederaan semakin mendapat liputan pihak media. Menurut (Mawarni, Mohd Sofian, Lee, Zarina & Rosili, 2006) kesan yang negatif seperti risiko kecederaan menyebabkan ibu bapa bimbang untuk melibatkan anak mereka dalam aktiviti rekreasi dan sukan. Analisis kajian ini akan membolehkan pemahaman yang lebih besar mengenai situasi amalan pengurusan risiko dan kemalangan yang berkaitan dengan aktiviti zipline serta dapat membangunkan garis panduan dan peraturan keselamatan yang berkaitan.

## 3.0 TINJAUAN LITERATUR

Meluncur zipline adalah jenis pengangkutan yang digunakan lebih dari satu abad yang lalu untuk mengangkut bekalan di sekitar pergunungan Himalaya India. Rekreasi zipline telah mendapat populariti sebagai satu bentuk rekreasi luar selama sedekad yang lalu (Martin H, 2012) . Takrifkan zipline oleh United States Consumer Product Safety Commission (CPSC), adalah aktiviti tali mendatar atau dawai dengan peranti yang tergantung untuk gelongsor di bawahnya (O'Brien CW, 2009). Manakala cabaran tali tinggi pada kebiasaannya merujuk kepada cabaran berasaskan latihan berhalangan dalam latihan tentera

pada tahun 1941 (Rohnke, Rogers, Tait, & Wall, 2007). Latihan tali ini menggunakan peralatan yang dibina daripada kayu, tali, dan kabel keluli yang digantung dari pokok atau tiang, dan jarak dari ketinggian dari tanah sehingga 50 kaki (Prouty, Panicucci, & Collinson, 2007). Cabaran yang terdapat dalam aktiviti ini biasanya dikelaskan sebagai aktiviti tali rendah atau tinggi. Aktiviti tali rendah terdiri daripada beberapa unsur yang dibina berdekatan dengan tanah dengan beberapa aras ketinggian sehingga 12 kaki (4meter). Tali rendah biasanya mempunyai unsur-unsur berorientasikan kepada aktiviti penyelesaian masalah secara berkumpulan. Manakala aktiviti tali tinggi mengandungi unsur-unsur yang digantung pada aras ketinggian antara 20 dan 50 kaki (6 hingga 15 meter), dan biasanya berorientasikan kepada cabaran individu. Peserta memakai peralatan keselamatan seperti gaya memanjat batu dengan memakai topi keledar. Dengan menggunakan sistem "belay" bagi menyokong peserta dengan selamat serta dapat mengekalkan kedudukan untuk mengelakkan dari jatuh pada aras tinggi (Prouty et al., 2007). Aktiviti cabaran boleh diadaptasikan dalam rekreasi pendidikan dan pembangunan insan yang terbukti berkesan (Rohnke et al., 2007).

Sektor industri sukan dan aktiviti rekreasi sangat berkait rapat dengan aspek pengurusan yang mempunyai kredibiliti khusus dalam melaksanakan amalan pengurusan risiko yang selamat. Komitmen terhadap amalan ini dapat meningkatkan lagi permintaan dan minat dari kalangan penggiat rekreasi sekali gus dapat menaikkan ekonomi pelancongan dan kerjaya dalam bidang sukan dan rekreasi. Menurut (sharp et al, 2010) aspek keselamatan merupakan "core value" organisasi dalam memberikan perkhidmatan kepada pengguna. Penglibatan aktiviti rekreasi lasak sangat berkait rapat dengan risiko terhadap sesiapa yang melibatkan diri dalam aktiviti tersebut, namun adalah penting dalam mengutamakan keselamatan diri dari terdedah kepada punca risiko dalam menjalankan aktiviti (Fulbrook, 2017). Menurut (Noroozi, Khakzad, Khan, Mackinnon & abbasi, 2013) menyatakan faktor kelalai akibat daripada kurang pengalaman dan kompetensi dalam melaksanakan tugas menyebabkan berlakunya kecederaan ringan. Aktiviti sukan dan rekreasi sentiasa terdedah kepada kesan pelbagai isu keselamatan sebelum, semasa, dan selepas aktiviti dijalankan. Kebanyakan kemalangan berlaku di kawasan rekreasi adalah kerana peralatan permainan yang tidak selamat, kemampuan fizikal, dan kelalai pihak penjaga untuk memantau (Gul, 2012). Manakala menurut (Jamilah Abdullah, 2014) pula menyatakan bahawa tindakan biasa yang dilakukan ialah pemantauan, penyelenggaraan dan perancangan bagi mengatasi daripada berlakunya kemalangan dan kecederaan.

Menghapuskan risiko kemalangan adalah sesuatu yang mustahil kerana kemalangan yang terjadi adalah sesuatu kesan diluar jangkaan tetapi ianya dapat dicegah dan dikurangkan melalui amalan pengurusan risiko yang baik. Menurut kajian (Fatima et al 2015) menjelaskan antara model pengurusan risiko moden jurulatih sukan yang sedia ada adalah seperti model "bronek dan spengler pada tahun 200, manakala *carpenter* telah memperkenalkan model pengurusan risiko beliau pada tahun 2000, Seterusnya model terawal yang wujud adalah model *fuller* pada tahun 1999 model yang diasaskan oleh dan *vann der smissen* pada tahun 1990 yang telah digunakan dalam memberi tumpuan terhadap aspek keselamatan dalam sukan. Amalan pengurusan risiko sukan memberi penekanan terhadap empat komponen mengurus iaitu pengenpastian, penilaian, pemilihan dan pelaksanaan operasi. Manakala Terdapat beberapa teroi berkaitan pengurusan risiko yang telah dikaji oleh beberapa pakar dalam aktiviti rekreasi yang sesuai untuk diadaptasikan antaranya adalah teori penyebab kemalangan domino. Teori kemalangan domino menjelaskan beberapa faktor punca kemalangan berkaitan peralatan antaranya adalah kekurangan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang lemah semasa menjalankan tugas, kecederaan serta kemudahan yang tidak selamat. Teori ini selari dengan pandangan (Mohd sharif 2011) menyatakan bahawa punca faktor manusia adalah kerana kurang pengetahuan dan kemahiran serta motivasi dan kesediaan fizikal dan mental pekerja. Manakala menurut (sekendiz, 2011) menyatakan kelengkapan sukan yang tidak baik adalah akibat daripada kelemahan penyelenggaraan yang tidak mencukupi. Keadaan ini merujuk kepada penyelenggaraan peralatan "zipline" yang banyak serta kaedah pemasangan yang melibatkan kemahiran teknikal yang tinggi. Manakala teori kemalangan petersen merujuk kepada tanggungjawab aspek pengurusan dalam sesebuah orgnisasi dalam memastikan peraturan dan panduan dilaksanakan dan sentiasa dipatuhi. Dalam teori ini memperlihatkan bahawa punca kemalangan adalah disebabkan pengurusan aspek persekitaran berkaitan peraturan keselamatan yang lemah serta tiada panduan dalam organisasi. Dalam aktiviti rekresi situasi risiko untuk berlakunya kecederaan dan kemalangan tetap wujud walau pun aktiviti tersebut dirasakan paling selamat ianya sukar untuk dielak tetapi boleh dikawal. Sebagai contoh aktiviti tempat tinggi seperti mendaki tembok tiruan, tali yang telah digunakan dan melebihi jangka masa penggunaan sudah tidak boleh digunakan dan perlu ditukar yang baharu kerana tali jenis *kermantel* ini mempunyai jangka hayat yang tertentu (DiMartino & Sandwith 2009).

Pihak pengurusan perlu mengambil perhatian terhadap kesemua aspek ini dalam menyediakan sesuatu kemudahan agar tiada tindakan mahkamah jika berlaku sebarang perkara yang tidak diinginkan berkaitan keselamatan di kemudahan sukan dan rekreasi mereka. Iktibar dalam kes *marshbaum* melawan

*loose fit* dan *anor* pada tahun 2011 di Utara Wales, Australia, dimana pihak plaintif mendakwa bahawa beliau telah turun dari tangga di pusat kecergasan yang dikendalikan oleh Loose Fit Pty Ltd, beliau jatuh dan mengalami kecederaan di bahu kirinya. Butiran ini adalah akibat daripada kecuaiannya dan pelanggaran tanggungjawab penjagaan yang telah dijalankan oleh pihak Loose Fit kerana tidak menyediakan susur tangan yang dipasang pada anak tangga tersebut. Jesteru pihak pengurusan tidak boleh bersikap sambil lewa tentang keselamatan pengguna. Kaedah seterusnya adalah berkaitan kesesuaian atau plan tindakan kecemasan sekiranya berlaku kemalangan. Kebolehsuaian merujuk kepada tindakan komunikasi, tindakan kecemasan, signal amaran yang diambil semasa kecemasan berlaku. Penjelasan dan peringatan yang mudah difahami sangat penting dalam mengingatkan amaran tentang bahaya risiko. Skop keselamatan aktiviti perlu digambarkan dengan jelas kepada peserta rekreasi yang terlibat agar boleh menyertai aktiviti dengan tenang.


Aktiviti atau program rekreasi bertujuan untuk mencabar fizikal, mental dan emosi setiap peserta. Walaupun persediaan yang teliti dan tepat, arahan, nasihat perubatan dan peralatan, masih terdapat risiko kecederaan serius ketika mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti rekreasi. Tidak dapat dijangka bahawa tidak semua bahaya dan boleh diramalkan atau tidak kepastian tentang berlakunya kerugian (Rejda, 2011). Menurut (Redja, 2011) beliau menyatakan bahawa pengurusan risiko adalah sebagai satu tindakan untuk mengawal kemalangan dan kerugian berbentuk kewangan serta kecederaan dalam situasi yang tidak dapat dijangka atau disengajakan. Bergantung pada aktiviti tertentu, peserta memahami bahawa risiko tertentu, bahaya dan kecederaan akibat cuaca buruk, tergelincir, jatuh, tahap kemahiran yang kurang baik atau kelakuan yang tidak baik, alatan yang tidak mencukupi atau rosak, tiada arahan peraturan serta pengawasan yang betul, dan semua yang lain keadaan yang wujud dalam aktiviti rekreasi dalaman dan luaran. Kajian ini menganggap bahawa, perlu diakui bahawa tidak mustahil untuk menjamin keselamatan semasa menjalankan aktiviti rekreasi.

Jadual 1 : Perbandingan model pengurusan risiko sukan

|  |  |
|--|--|
| Model risiko Carpenter pada tahun 2000       | Terdapat beberapa aspek penting bagi mengenalpasti risiko antaranya adalah kemudahan dan peralatan, staf, penonton dan peserta, prosedur dan aktiviti yang ditawarkan. Kesan penilaian adalah berdasarkan jangkaan tahap keterukan yang akan dihadapi oleh mereka dan akibat daripada kesan daripada itu akan tanggung oleh organisasi terbabit. |
| Model risiko Fuller pada tahun 1999          | Penilaian risiko melalui polisi dan prosedur adalah langkah untuk mengurangkan risiko terhadap kemungkinan bahaya kepada pihak yang terlibat. Prosedur yang dilaksanakan mestilah berfungsi dengan baik untuk menilai dan membuat jangkaan awal bagi setiap ruang bahaya yang bakal dihadapi oleh seseorang.                                     |
| Model risiko Van Der Smissen pada tahun 1990 | Model pengurusan risiko yang sistematik melalui senarai semak digunakan dalam mengenalpasti potensi dan bahaya risiko yang dihadapi. Melalui pengenalan dasar atau prosedur operasi (SOP) merupakan pendekatan alternatif tentang satu kaedah untuk mengurus risiko.   |

#### 4.0 KERANGKA KONSEPTUAL

Antara kelemahan amalan pengurusan risiko ialah tiada polisi dalam pengurusan risiko terhadap aspek keselamatan, tanggungjawab dan peraturan keselamatan yang tidak jelas, demonstrasi atau latihan awal yang tidak disediakan. Pengurusan rekreasi perlu mengambil perhatian tentang aspek-aspek tersebut berkaitan dengan keselamatan di pusat rekreasi. Oleh itu berdasarkan kepada empat model pengurusan risiko pengkaji ingin melihat amalan yang terdapat dalam setiap model tersebut dengan merangka konseptual kajian pada Rajah 1, kajian ini ingin menganalisis dan menelititi kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko semasa aktiviti rekreasi “zipline” dalam aktiviti rekreasi BIG.



Rajah 1: Bentuk konseptual kajian

## 5.0 OJEKTIF DAN TUJUAN

Melihat kepada implikasi yang dibincangkan tentang kepentingan pengurusan risiko penggiat rekreasi, tujuan kajian ini adalah untuk meninjau kesediaan dalam pengurusan risiko aktiviti tali tinggi “zipline” dalam perkhemahan BIG. Secara terperinci kajian ingin mencapai dua objektif iaitu:

- Mengenalpasti kesedaran guru pelatih terhadap amalan pengurusan risiko dalam aktiviti rekreasi rekreasi “zipline” secara keseluruhan dalam program BIG.
- Mengenalpsati sama ada wujud perbezaan kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko antara jantina guru dalam aktiviti rekreasi rekreasi “zipline”.
- Mengenalpsati sama ada wujud perbezaan kesedaran terhadap 4 aspek amalan pengurusan risiko antara jantina guru dalam aktiviti rekreasi rekreasi “zipline”.

## 6.0 METODOLOGI KAJIAN

### 6.1 Reka bentuk kajian


Kajian deskriptif ini melalui pendekatan kuantitatif dengan mengumpul data melalui soal selidik yang dijawab oleh responden. Populasi dalam kajian ialah guru pelatih fakulti pendidikan yang berpusat di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Malaysia. Tahap situasi amalan pengurusan risiko diukur menggunakan soal selidik yang diadaptasikan oleh (Cheng, 2016) berdasarkan model iklim keselamatan rekreasi. Fokus pengukuran berdasarkan kepada enam amalan pengurusan risiko aktiviti “zipline”. Menurut (Chua, 2014) dalam soal selidik jenis pilihan mengkehendaki responden menjawab berdasarkan kesesuaian skala persetujuan likert lima (5) mata yang digunakan untuk mendapatkan persepsi peserta.

### 6.2 Persempelan

Sampel dalam kajian ini adalah seramai 52 orang responden sedang menjalani latihan aktiviti rekreasi BIG di sebuah pusat rekreasi Raub Pahang. Sampel dipilih dengan menggunakan kaedah pensempelan bertujuan. Menurut (Creswell, 2012, 2014) saiz sampel melebihi 30 adalah sesuai untuk kebanyakan kajian yang berbentuk perbandingan dan lebih baik kerana dapat mengurangkan ralat persampelan. Dari segi jantina, sampel yang terpilih merangkumi 18(34.6%) orang responden lelaki dan 34(65.4%) responden perempuan dengan merujuk kepada profil responden pada Jadual 2 seperti berikut.

Jadual 2. Taburan bilangan responden

| Latar Belakang                  | Responden    | Frekuensi | Peratusan(%) |
|---------------------------------|--------------|-----------|--------------|
| Jantina                         | lelaki       | 18        | 34.6         |
|                                 | perempuan    | 34        | 65.4         |
| Pengalaman menyertai “zipline”. | Tidak Pernah | 4         | 7.7          |
|                                 | Pernah       | 48        | 92.4         |



Rajah 1: Carta pai saiz demografi mengikut jantina dan pengalaman peserta BIG

### 6.3 Kebolehpercayaan

Berpandukan kepada kajian (Shamsazila et al 2017) yang menjalankan kajian keatas sampel yang ramai menggunakan analisis konstruk yang telah diuji selari dengan kenyataan (Ghazali & Sufean, 2016) dimana kebolehpercayaan instrumen soal selidik menjelaskan sejauh mana skor-skor dalam setiap item yang diperoleh adalah konsisten atau stabil apabila diuji beberapa kali. Dengan kata lain, kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman soal selidik (Chua, 2014b; Cresswell, 2012; Sekaran & Bougie, 2013). Kebolehpercayaan kajian adalah penting kerana ralat pengukuran dapat dikurangkan dan hubungan antara item atau pemboleh ubah dapat diukur dengan tepat. Bagi mengukur ketekalan dalaman sesuatu konstruk, nilai Cronbach Alpha sering kali dirujuk. (Cronbach, 1946; Norusis, 1977). Sehubungan itu, dalam kajian rintis ini data-data yang telah dikumpulkan dan diukur tahap kebolehpercayaannya menggunakan Ujian Statistik Cronbach Alpha dalam perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 20.0. Jadual 3 menunjukkan nilai Alpha ( $\alpha$ ) bagi ujian kebolehpercayaan instrumen soal selidik.

Jadual 3 Kebolehpercayaan Instrumen

| Konstruk                               | Nilai alpha     |
|--|-----------------|
| Empat situasi amalan pengurusan risiko | $\alpha = .805$ |

Merujuk pada Jadual 3, dapatan menunjukkan nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha instrumen soal selidik bagi konstruk amalan mencapai nilai minimum iaitu melebihi 0.60. Maka, instrumen rintis ini boleh digunakan dalam kajian lapangan sebenar.

## 7.0 DAPATAN KAJIAN

Analisa Kenormalan dilakukan bagi melihat keseluruhan data responden yang diperolehi bertaburan secara normal atau tidak normal. Ujian kenormalan dilakukan terhadap 15 soalan melalui ujian (Normality test) seperti kaedah grafik. Hasil ujian normality pada graf histogram bagi menunjukkan taburan data yang mewakili 52 jawapan responden yang diperolehi. Merujuk kepada nilai “Kurtosis” dan “Skewness” terhadap hasil keta 52 responden menunjukkan agihan skor pengukuran dapat dipertimbangkan sebagai normal apabila nilai “Skewness” menghampiri 0. Nilai yang diperolehi menunjukkan “skewness” diantara -0.202 hingga -0.724 dan nilai tersebut mendekati angka kosong (zero). Jika data menunjukkan kenormalan maka ujian parametric boleh dijalankan. Bagi menjelaskan persoalan kajian, pengkaji menggunakan analisis deskriptif yang menggunakan skor min yang dikehendaki dalam objektif kajian. Dalam kajian (Pallant, 2013) menyatakan sesuatu analisis perlu selari dengan objektif kajian bagi mendapatkan analisis yang tepat dan memberi nilai dan makna. Dapatan kajian ini diterangkan dalam jadual seperti berikut:

**Objektif 1 :** Mengenalpasti kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko dalam aktiviti rekreasi rekreasi “zipline” secara keseluruhan dalam program BIG.

**Soalan 1 :** Adakah tahap guru pelatih mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap amalan pengurusan risiko dalam aktiviti rekreasi rekreasi “zipline”?

Jadual 4 Skor Min dan Sisihan Piawai (N = 52) kesedaran guru pelatih terhadap amalan pengurusan risiko secara keseluruhan dalam aktiviti rekreasi BIG

| Amalan pengurusan risiko | N  | Min   | Sisihan Piawai |
|--------------------------|----|-------|----------------|
| Jumlah keseluruhan       | 52 | 4.367 | .393           |

Jika dilihat daripada Jadual 4 menunjukkan keseluruhan skor min yang dicatatkan menunjukkan nilai Min yang tinggi ( $M=4.367$ ,  $SD=0.393$ ) dalam keseluruhan 4 aspek amalan pengurusan yang dilaksanakan. Ini menggambarkan pelatihan guru dalam aktiviti rekreasi BIG mempunyai kesedaran yang tinggi untuk mengatasi bahaya risiko dengan memastikan tindakan aspek keselamatan dapat ditangani dengan baik. Ini menunjukkan pelatih guru mempunyai kesedaran yang baik dan lebih cenderung untuk berasa selamat dan menyenangkan semasa menjalankan aktiviti rekreasi “zipline”.

Jadual 5 Perbandingan Skor Min dan Sisihan Piawai (N = 52) kesedaran terhadap empat aspek dalam amalan pengurusn risiko

| Aspek pengurusan | N  | Min  | Sisihan Piawai |
|------------------|----|------|----------------|
| Tanggungjawab    | 52 | 4.47 | .465           |
| Kebolehsuaian    | 52 | 4.00 | .870           |
| Latihan          | 52 | 4.27 | .642           |
| Peralatan        | 52 | 4.17 | .620           |

Manakal hasil dapatan kajian berdasarkan Jadual 5 pula menunjukkan perbezaan min berdasarkan 4 aspek amalan pengurusan risiko keselamatan yang menjadi keutamaan dalam aktiviti rekreasi “zipline” dalam program BIG. Berdasarkan Min pembolehubah empat aspek pengurusan risiko menunjukkan kesedaran risik terhadap tanggungjawab jurulatih mencatatkan skor min tertinggi (M = 4.47, SD = .465, n = 52). Manakala aspek kesedaran terhadap latihan pula mencatatkan skor min kedua teringgi iaitu (M = 4.27, SD = .642, n = 52) diikuti oleh kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko alatan sebanyak (M = 4.17, SD = .620, n = 52) manakala skor min terhadap amalan kebolehsuaian pula mencatatkan skor min terendah (M = 4.00, SD = .870, n = 52). Walaupun skor setiap kesedaran terhadap 4 amalan pengurusan risiko menunjukkan nilai yang tinggi akan tetapi nilai tersebut mampu untuk mencapai tahap yang lebih tinggi jika amalan tersebut menepati kreteria keselamatan yang lebih baik.

**Objektif 2 :** Mengenalpsati sama ada wujud perbezaan kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko antara guru pelatih berdasarkan jantina perempuan dalam aktiviti rekreasi rekreasi “zipline”.

**Soalan 2:** Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko keseluruhan berdasarkan jantina guru pelatih?

Jadual 6 Ujian-t kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko keseluruhan berdasarkan perbezaan kumpulan jantina

| Jantina   | N  | Min    | SD     | t     | sig  |
|-----------|----|--------|--------|-------|------|
| Lelaki    | 18 | 4.3269 | .36350 | -.538 | .593 |
| Perempuan | 34 | 4.3891 | .41281 |       |      |

Berdasarkan ujian-t bagi perbandingan kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko keseluruhan oleh peserta lelaki dan perempuan ialah  $t = -0.538$  dan nilai  $p = .593$ . Tahap signifikan ini adalah lebih lebih daripada  $0.05 (p = 0.593 > 0.05)$ . Hal ini bermaksud hipotesis nul diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kesedaran risiko keseluruhan antara peserta guru pelatih lelaki dengan guru pelatih perempuan berdasarkan jantina dalam aktiviti rekreasi “zipline” dalam program BIG. Semua pelatih guru mempunyai kesedaran terhadap risiko yang ada di sekelilig mereka semasa menjalankan aktiviti.

**Objektif 3 :** Mengenalpsati sama ada wujud perbezaan kesedaran terhadap 4 aspek amalan pengurusan risiko berdasarkan jantina guru pelatih dalam aktiviti rekreasi rekreasi “zipline”.

**Soalan 3:** Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kesedaran terhadap 4 aspek amalan pengurusan risiko antara jantina guru pelatih dalam aktiviti rekreasi rekreasi “zipline”.

Jadual 7 Ujian-t terhadap empat amalan utama pengurusan risiko keselamatan semasa aktiviti rekreasi “zipline” berdasarkan perbezaan kumpulan jantina

| Aspek pengurusan | Jantina   | N  | Min    | SD     | t      | sig  |
|------------------|-----------|----|--------|--------|--------|------|
| Tanggungjawab    | Lelaki    | 18 | 4.2917 | .52335 | -2.152 | .036 |
|                  | Perempuan | 34 | 4.5735 | .40606 |        |      |
| Kebolehsuaian    | Lelaki    | 18 | 4.0000 | .94324 | -0.000 | 1.00 |
|                  | Perempuan | 34 | 4.0000 | .84387 |        |      |
| Latihan          | Lelaki    | 18 | 4.4167 | .54906 | 1.170  | .248 |
|                  | Perempuan | 34 | 4.1985 | .68196 |        |      |
| Peralatan        | Lelaki    | 18 | 4.1667 | .59683 | -0.054 | .957 |
|                  | Perempuan | 34 | 4.1765 | .64215 |        |      |

Jadual 7 secara keseluruhannya menunjukkan perbezaan min kesedaran situasi amalan pengurusan risiko berdasarkan jantina. Bagi amalan tanggungjawab, peserta lelaki (min = 4.291, SP = .523) adalah lebih rendah daripada peserta perempuan (min = 4.573) Manakala bagi amalan kebolehsuaian, pelajar perempuan (min = 4.000, SP = .681) mempunyai skor yang sama dengan pelajar lelaki (min = 4.000, SP = .943). Seterusnya kesedaran terhadap amalan latihan kelihatan peserta lelaki (min = 4.416, SP = .549) adalah lebih tinggi daripada peserta perempuan (min = 4.198, SP = .681).

Manakala bagi amalan peralatan, peserta perempuan (min = 4.176, SP = .642) mempunyai skor yang lebih tinggi daripada peserta lelaki (min = 4.166, SP = .596). Seterusnya kesedaran terhadap 4 aspek amalan pengurusan risiko yang mempunyai skor signifikan melebihi aras yang ditetapkan ( $p > 0.05$ ) dalam aspek kebolehsuaian, alatan dan latihan, oleh itu, hipotesis nul bagi soalan ini diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara 3 aspek tersebut dalam amalan pengurusan risiko berdasarkan perbezaan jantina. Hanya terdapat satu aspek berkaitan tanggungjawab yang mendapat skor signifikan kurang dari ( $P < 0.05$ ) berdasarkan perbezaan jantina.

## 8.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Berdasarkan analisis menunjukkan responden yang sedang mengikuti aktiviti rekreasi “zipline” dalam program BIG. Dari segi jantina peserta perempuan lebih banyak daripada peserta lelaki dengan nisbah peratusan yang begitu ketara. Penilaian kesedaran situasi risiko ini dijalankan melalui pendekatan kaedah soal selidik. Berdasarkan analisis amalan pengurusan risiko yang telah dikaji oleh pengkaji terdahulu berkaitan kemudahan, tanggungjawab, prosedur dan peraturan. Menurut (Ehsani et al., 2012) menyatakan bahawa jurulatih yang berkelayakan dan mahir mampu melaksanakan amalan pengurusan risiko yang baik dalam organisasi. Dapatan kajian secara keseluruhannya bersetuju dengan amalan pengurusan risiko oleh tanggungjawab jurulatih yang amat sesuai semasa aktiviti rekreasi dijalankan. Tindakan positif yang diambil dapat mengurangkan risiko kemalangan atau kecuaiian oleh jurulatih semasa menjalankan aktiviti rekreasi. Analisis terhadap amalan tanggungjawab jurulatih dalam aktiviti rekreasi ini selari dengan (Beale 2005) yang menyatakan keselamatan merupakan pertimbangan yang diutamakan dalam aktiviti sukan. Manakala dapatan kajian menunjukkan tahap persepsi yang baik terhadap kebolehsuaian semasa aktiviti. Menurut (Mohamed et al 2006) keupayaan menjalankan pengawasan yang rapi untuk mengelak bahaya risiko bergantung kepada keupayaan *foresee ability* jurulatih. Foresse ability merujuk kepada kemampuan seseorang membuat jangkaan awal terhadap sesuatu bahaya risiko yang boleh berlaku. Keupayaan ini ditunjukkan melalui penekanan terhadap pengawasan sesuatu situasi sebelum kemalangan berlaku. Hasil analisis terhadap tindakan melalui latihan dalam aktiviti rekreasi menunjukkan jurulatih mengadakan simulasi risiko aktiviti kepada peserta. Menurut (Lachapelle, 2004) menyatakan organisasi perlu mewujudkan program kesedaran risiko dan keselamatan memastikan pemain industry rekreasi berpeluang untuk mencapai tahap keselamatan yang sama. Ini menunjukkan bahawa latihan awal pengenalan kepada risiko terhadap aktiviti yang ingin dijalankan sangat penting. Jurulatih memberikan sesi taklimat awal keselamatan dan demonstrasi serta cubaan awal pada aras yang rendah sebelum melakukan dalam aktiviti sebenar. Menurut (Fuller, 1999) mengatakan aktiviti dan program sukan perlu ada undang-undang/peratusan yang menunjukkan cara pengurusan semasa aktiviti sukan. Komponen penyeliaan terhadap kebolehan peserta, arahan dan sokongan penting semasa aktiviti rekreasi. Dengan adanya penyeliaan yang cekap dapat mewujudkan suasana persekitaran aktiviti yang selamat.

## 9.0 KESIMPULAN

*Zipline* semakin popular sebagai satu bentuk rekreasi luar, dan terdedah dengan risiko kecederaan serius kerana potensi untuk jatuh dari tempat tinggi. Peningkatan pesat dalam kecederaan berkaitan *zipline* pada tahun-tahun kebelakangan ini mencadangkan perlunya satu garis panduan dan peraturan keselamatan tambahan. Ziplines komersial dan zipline yang tidak boleh diakses secara umum tertakluk kepada piawaian keselamatan yang berbeza-beza dan zipline buatan sendiri tidak boleh digunakan. Tambahan penyelidikan mengenai ciri-ciri risiko komersial dan bukan komersial zipline harus dijalankan untuk membangunkan langkah strategi pencegahan yang lebih baik. Sehubungan dengan itu, pengurus rekreasi seharusnya kreatif dalam merancang aktiviti rekreasi dalam aspek keselamatan agar proses pembelajaran aktiviti luar yang optimum dapat diwujudkan. Kesedaran risiko bahaya adalah kerjasama semua pihak. Pengkaji dapat merumuskan bahawa keenam-enam kesedaran situasi amalan pengurusan risiko ini penting dalam meningkatkan keselamatan dan pengalaman peserta. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa bahaya risiko dalaman juga mempengaruhi kepada peningkatan kebimbangan terhadap kecederaan dan kemalangan. Hal ini akan berlaku melalui pengalaman terhadap jenis-jenis bahaya risiko yang akhirnya memberi kesan kepada tingkahlaku individu tersebut.

## 10.0 RUJUKAN

- Beale, A. K. (2005). *Penyiasatan status semasa Aktiviti Fizikal Di Akuatik Program Pendidikan Jasmani Sekolah Awam K-12 di Negeri Florida*. The Florida State University: Tesis Ph.D.
- Carpenter, L. J. (2000). *Konsep perundangan dalam Sukan: Primer*. (2nd.ed). Saga more Publishing in cooperation with The American alliance for Health, Physical Education, Recreation and Dance.
- Chua, Y. P. (2014). *Asas Statistik Penyelidikan (Edisi Ketiga)*. Shah Alam Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Cresswel, J. W. (2012). *Penyelidikan Pendidikan: Perancangan, Menjalankan dan menilai penyelidikan kuantitatif dan kualitatif*. (4th edition). Ohio: Pearson Education Inc.
- DiMartino, T. J. & Sandwith, C. J. (2009). *Penjagaan, penyelenggaraan dan pemeriksaan yang tepat untuk memanjat tali*. Proceedings OCEANS.
- Ehsani, M, & Veisi (2012). *Penilaian tahap tingkah laku pengurusan risiko di kalangan Majlis Sukan di Timur Iran.. Asian Social Science Vol. 8 (10)*.
- Fulbrook, J. (2017). *Aktiviti luar, kecuaiian dan undang-undang*. London: Routledge.
- Fuller, C. W. (1999). *Keselamatan dalam Sukan: Panduan untuk Badan Perundangan Negara UK*. United Kingdom: UK sport.
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). *Metadologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Gilis Delacy. (2012). *Adakah Pemilik Atau Penduduk Tempatan Yang Bertanggungjawab Terhadap Jatuh Tangga*. GD News
- Gul, E. D. (2012). *Mengkaji Perspektif Keluarga Di Taman Kanak-Kanak*. Jurnal Institut Sains Sosial Cukurova, 21 (3).
- Hronek, B. B., & Spengler, J. O. (2002). *Liabiliti Leal dalam Rekreasi dan Sukan*, Champaign, IL: Sangamore
- Iswoyo, A., Daryanto, D., & Nugroho, W. (2017). *Pembangunan Perniagaan dan Latihan Pengurusan dan Kaedah Pembelajaran Experiential*. Asian Journal of Innovation and Entrepreneurship
- Jamliah Abdullah. (2014). *MBPJ di rayu baiki kemudahan taman permainan*. Utusan Malaysia, 20 Ogos
- Jaffry Zakaria, Mohd Taib Harun, Norlena salamuddin (2015). *Peranan amalan pengurusan risiko terhadap perkembangan aktiviti sukan dan rekreasi dalam meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat*. Asean Comparative Education Research Network Conference.
- Jumat, Suzanah and Andi Maddukelleng, Andi Muhammad Yusuf and Omar, Muhamad Roslan and Awang, Mohd Mahzan and Ahmad, Anuar (2014) *Penglibatan pelajar universiti terhadap aktiviti sosial dalam komuniti pada waktu senggang: Kajian perbandingan di Malaysia dan China*. In: International Social Development Conference 2014 (ISDC 2014)
- Kristin, L. S. (2005). *Kesan Kepercayaan Penyelia dan Organisasi Terhadap Kepuasan Kerja dan Komitmen Organisasi*. International Journal of Leadership Studies.
- Lachapelle, C. F. (2004). *Amalan risiko dan keselamatan dalam besbol dan bola keranjang belia*. The Florida State University: Tesis Ph.D.
- Martin H. *Zip lines spread across the U.S. as the rides soar in popularity* (2012). Los Angeles Times. Last accessed January 5, 2015
- Mohamed, M., Fauzee, M. S. O., Lee T. S., Jusoh, Z., & Zainudin, R. J. A. (2006). *Persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam Program Sukan*. Asian Journal of University Education. No. 2 Vol. 2.
- Mohd. Sharif, S. (2011). *Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH): Menggunakan Kurikulum Baru OBE*. Shah Alam: UITM Press
- Mustaffa, Fatimah and Esa, Ahmad (2015). *Amalan Pengurusan Risiko Elemen Eksplorasi Pensyarah dalam Pendidikan Jasmani Institut Pendidikan Guru*. In: 8th International Conference on Education and Information Management
- Noroozi, A., Khakzad, N., Khan, F., MacKinnon, S., & Abbassi, R. (2013). *Peranan kesilapan manusia dalam analisis risiko: Permohonan untuk prosedur pra-dan pasca proses penyelenggaraan kemudahan*. Reliability Engineering & System Safety
- O'Brien CW (2015). *Kecederaan Dan Kematian Yang Berkaitan Dengan Peralatan Permainan, 2001-2008*. Bethesda, MD: US Consumer Product Safety Commission
- Paul Thomas. (2012). *Statistik riadah Bot*. Washington: Washington Publisher.
- Prouty, D. (2007). *Pengembaraan pendidikan: Teori dan aplikasi*. Champaign: Human Kinetics.

- Rachael M. Billock, Jonathan J. Anderegg, Tracy J. Mehan, Thiphalak Chounthirath, Gary A. Smith (2015). Rawatan Kecederaan Berkaitan Zipline Dirawat di Jabatan Kecemasan Amerika Syarikat, 1997–2012. *The American Journal of Emergency Medicine*.
- Rejda, G.E. (2011) *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans*. 11th Edition, Pearson.
- Richard Hsio. (2005). *Analisis Praktik Pengurusan Risiko dan Status Litigasi di Pusat Akuatik*. Tesis Ph.D. University of Florida.
- Rohnke, K, Rogers, D, Tait, C. M, & Wall, J.B. (2007). *Manual lengkap panduan latihan tali l*. Dubuque: Kendall
- Sekendiz, B. (2011). *Penyiasatan amalan pengurusan risiko dalam Kemudahan Kesihatan dan kecergasan di Queensland: meminimumkan kemungkinan Liabiliti undang-undang*. Bond University: Tesis Ph.D.
- Sharp, L. A., Moorman, A. M. & Claussen, C. L. (2010). *Penggunaan Fasal Pegecualian dan Exculpatory: Undang-undang Sukan: A Managerial Approach 2nd edition*. United States: Holcomb Hathaway Publishers.
- Van der Smissen, B (1996). *Liabiliti Tort dan Pengurusan Risiko*. *The Management of Sport*. 2nd.ed. United State: Mosby.
- Van der Smissen, B. (1990). *Liabiliti undang-undang dan pengurusan risiko untuk entiti awam dan swasta*. Cincinnati. Cincinnati: Anderson Publishing Company.